

Rakan selamat 12 anak

>>Oleh Mohd Hafizee
Mohd Arop
hafizee@metro.com.my

AMPANG: "Saya terpaksa memecahkan siling bagi menempatkan anak dan isteri di bahagian atas selepas air naik ke paras muka menyebabkan kami sekeluarga terperangkap dalam rumah.

"Ketika itu, saya hanya berdoa dan berharap tiada kejadian tidak diinginkan menimpa keluarga. Mujur rakan datang membantu mengeluarkan kami ke kawasan selamat," kata mangsa banjir di Kampung Lembah Jaya Utara, Halim Mohamad Zain, 48.

Selain terperangkap dalam rumah, Halim juga hilang mata pencarian apabila teksinya yang menjadi punca pendapatannya sekeluarga rosak teruk dihanyutkan arus deras



ANGKAT...Halim (kanan) bersama rakan menolak teksinya yang dihanyutkan sejauh 150 meter ketika banjir di Kampung Lembah Jaya Utara.

FOTO | Effendy Rashid

sejauh 150 meter dari rumahnya.

Menurutnya, ketika kejadian, isteri serta 12 anaknya berada bersamanya dalam rumah dan tidak menyangka hujan lebat dua jam menyebabkan air naik hingga rumahnya hampir tenggelam.

Katanya, selepas menempatkan anak dan isterinya di bahagian atas rumah, dia cuba mendapatkan bantuan mengeluarkan mereka sekeluarga dari kawasan banjir itu.

"Saya terus menelefon bomba, namun bomba tidak dapat menghantar bantuan. Disebabkan itu, saya terpaksa menelefon rakan bagi mendapatkan pertolongan dan tidak sangka mereka sanggup berenang dalam banjir menyelamatkan kami.

"Seorang rakan saya hampir tercedera terkena renjatan elektrik, namun mujur tidak

cedera. Saya bersyukur kerana kami selamat," katanya.

Sementara itu, rakannya, Jamal Baharom, 46, berkata, ketika kejadian dia bersama dua lagi rakannya bimbangkan keselamatan anak-anak Halim yang masih kecil kerana air naik terlalu tinggi hingga menenggelamkan beberapa rumah.

Katanya, mereka nekad berenang dari kawasan tinggi hingga ke rumah Halim dan berjaya membawa keluar semua anak-anaknya dengan meletakkan mereka atas tong besar supaya tidak tenggelam.

"Ketika mencari tong, seorang daripada rakan kami terpijak kabel elektrik menyebabkannya terpelanting. Walaupun kabel itu beraspas, namun mujur dia tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya.

433 penduduk dipindahkan

AMPANG: Seramai 433 penduduk di Lembah Jaya, di sini yang menghuni 217 rumah di kawasan itu ditempatkan sementara di Surau Ihsaniah, Lembah Jaya Utara, selepas rumah mereka ditenggelami air akibat banjir kilat, petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Amiruddin Jamaluddin berkata, pihaknya menerima panggilan keceemasan daripada penduduk mengenai banjir itu kira-kira jam 8 malam sebelum jam pegawai dan 70 anggota dihantar ke tempat kejadian.

"Hujan lebat berterusan menyebabkan banjir kilat dan air melimpah di sungai berhampiran sebelum melimpah ke kawasan rumah penduduk yang terletak berhampiran. Berikutan itu, kerja menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir terpaksa dilakukan.

"Kami mendapatkan turut dibantu 224 pegawai dan anggota daripada beberapa agensi lain iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela), Jabatan kebajikan

Masyarakat (JKM), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)," katanya.

Difahamkan, dua rumah yang terletak berhampiran jambatan menghubungkan Lembah Jaya Utara dan Kampung Sungai Putih dihanyutkan air dan rosak teruk selepas jambatan berkenaan runtuh dan menghempap rumah berkenaan.

Amiruddin berkata, semua penduduk terbabit dipindahkan ke Surau Ihsaniah yang dijadikan pusat perpindahan sementara terletak berhampiran.

"Sehingga kini, jumlah kerugian masih belum dapat dipastikan. Polis turut menerima laporan daripada penduduk berhubung kerosakan harta benda akibat bencana banjir tetapi jumlah laporan belum dapat dipastikan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussain berkata, pihaknya turut melakukan kerja pembersihan dan memantau penyediaan pelbagai bekalan kepada penduduk.

Jeritan suruh keluar

KUALA LUMPUR: "Saya dan suami dipapah pasukan keselamatan meredah air sedalam 1.5 meter sejauh kira-kira 200 meter dari rumah selepas air masuk ke dalam rumah dengan tiba-tiba sebaik terjaga dari tidur.

"Saya hanya menyedari rumah dinaiki air pada jam 1 pagi selepas mendengar jeritan penduduk menyuruh saya keluar. Ketika itu, air sudah memenuhi bilik," kata Arfah Che Mat, 57, seorang daripada 1,350 mangsa banjir yang berpindah selepas daerah Hulu Langat dilanda banjir kilat, petang kelmarin.

Beliau yang tinggal di Kampung Batu 11, di sini, berkata, hujan lebat berpanja-

ngan bermula jam 5 petang menyebabkan air mulai naik mulai jam 9 malam.

Katanya, dia yang tinggal di tempat tinggi tidak menyangka akan turut menjadi mangsa dan terkejut melihat tiga kenderaan milik suami dan anak-anak tenggelam.

"Saya nekad meredah air dengan bantuan anggota keselamatan yang memapah saya dan suami tanpa sempat menyelamatkan barangan berharga lain.

"Kami bersyukur terselamat dalam kejadian ini," katanya ketika ditemui di pusat penempatan sementara mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai.

Arfah berkata, banjir besar



KOTOR...penduduk membersihkan barangan rumah diselaputi lumpur selepas banjir reda.

itu adalah kali pertama melanda kampungnya sejak tinggal di kawasan itu lebih 50 tahun lalu hingga menyebab-

kan kerugian RM50,000 selepas kereta Proton Saga dan Perodua Myvi milik keluarganya tenggelam.

Rumah runtuh dilanda arus deras banjir

AMPANG: "Saya sedih apabila tempat berteduh selama ini runtuh dilanda arus yang begitu deras tetapi apakan daya, mungkin itu takdir kami sekeluarga," kata mangsa banjir di Kampung Lembah Jaya Utara, Ramli Abu Kassim, 62.

Menurutnya, dia menganggarkan kerugian hampir RM80,000 selepas sebahagian rumahnya runtuh dilanda arus deras termasuk kesemua peralatan dalam rumah tidak dapat digunakan.

Katanya, ketika kejadian, dia bersama isteri serta dua



ROSAK...sebahagian rumah Ramli hampir runtuh dilanda arus deras ketika banjir, semalam.

anak sudah berpindah ke bilik gerakan banjir dan bersyukur kerana kesemua ahli keluarganya selamat.

"Walaupun saya kerugian besar, namun nyawa lebih penting. Kini, saya bersama keluarga tinggal sehelai sepinggang selepas tidak dapat menyelamatkan sebarang barangan dari dalam rumah.

"Kejadian ini yang paling teruk dan kami tidak menyangka banjir yang berlaku begitu pantas menyebabkan sebahagian rumah kami runtuh," katanya.

Sengsara 12 jam

Penyanyi, pelakon nekad panjat lori pasir selepas kereta ditenggelami air

>>Oleh Mohd Helmi Irwadi
Mohd Nor

mohdhelmi@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Kami terpaksa memanjat lori pasir untuk menyelamatkan diri berikutan kereta ditenggelami air. Biarpun dalam kesejukan, lapar dan berhimpit-himpit, Alhamdulillah, kami terselamat selepas 12 jam terperangkap dalam banjir," kata penyanyi, Shila Amzah, 22, yang terperangkap bersama rakannya yang juga pelakon, Sharnaaz Basir Ahmad, 27, dalam kejadian banjir kilat yang berlaku di Batu 12, dekat Hulu Langat, kelmarin.

Menurut Shila, sebelum kejadian, dia bersama ibunya dan Sharnaaz menikmati makan malam di sebuah restoran di Batu 12, namun ibunya terlebih dulu pulang

ke rumah di Batu 9 selepas hujan.

"Sebelum pulang ke rumah, kami berhenti di sebuah stesen minyak dan ketika itu hujan begitu lebat hingga menenggelamkan jalan," katanya.

Katanya, ketika itu, keadaan jalan tidak begitu teruk dan masih boleh dilalui menyebabkan mereka bertekad meneruskan perjalanan pulang.

"Namun, ketika melalui jalan curam, kami terperangkap dalam kesesakan luar biasa akibat banjir di sepanjang jalan hingga menenggelamkan kereta Proton Waja yang kami naiki," katanya.

Menurutnya, berikutan tidak tahu berbuat apa-apa tambahan pula banjir semakin menenggelamkan keseluruhan kereta, mereka akhirnya bertekad memanjat

lori pasir untuk menyelamatkan diri.

"Ketika itu, saya hanya berdoa kepada Allah semoga kami terselamat. Kami begitu sedih melihat anak kecil serta ratusan keluarga lain menerima nasib sama apabila terperangkap dalam banjir," katanya.

Katanya, biarpun jarak perjalanan pulang ke rumahnya hanya kira-kira tiga kilometer tetapi disebabkan banjir yang begitu teruk, mereka tersadai selama hampir 12 jam bermula kira-kira jam 10 malam.

"Alhamdulillah, jam 10 pagi tadi (semalam) baru kami selamat tiba ke rumah dan syukur tiada kemalangan jiwa berlaku," katanya.

Menurutnya, biarpun terselamat, kereta milik Sharnaaz mengalami kerosakan teruk dan terpaksa dihantar ke bengkel, semalam.



SELAMAT...Shila, Sharnaaz terperangkap banjir di Batu 12 dekat Hulu Langat, kelmarin.

'Selagi banjir belum surut kita akan bantu'

KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil 'turun padang' bagi melawat dan melihat lebih dekat mangsa banjir kilat di daerah Hulu Langat di sini, selain menghulurkan bantuan segera berbentuk makanan, minuman dan keperluan asas, semalam.

Kejadian banjir yang bermula jam 6 petang kelmarin itu menyebabkan seramai 1,350 mangsa dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan sementara termasuk di Dewan Datuk Ahmad Razali menempatkan 40 mangsa, surau Lembah Jaya Ampang (230), Balai Penghulu Batu 10 (30), Masjid Batu 14 (20), Balai Raya Indah Jaya (15), Surau Taman Seri Nanding (350) dan Sekolah Kebangsaan Sungai Serai (666 mangsa).

Shahrizat berkata, semua pusat pemindahan berkenaan dibuka bermula jam 9 malam selepas rumah penduduk di kawasan berkenaan dinaiki air dan mereka dibantu anggota keselamatan serta sukarela yang bertugas 24 jam.

"Jabatan Kebajikan Masya-



LAWAT...Shahrizat meluangkan masa menziarahi seorang warga emas yang ditempatkan di pusat penempatan sementara, semalam.

rakat (JKM) terus menghulurkan pelbagai bantuan makanan, pakaian dan tempat tinggal sementara yang diuruskan secara sistematik dan urusan pendaftaran dilakukan dengan lancar.

"Selagi banjir belum surut, kita akan memberi bantuan berterusan bagi meringankan bebanan yang ditang-

gung mangsa," katanya dalam sidang media di Pusat Pemindahan Banjir Sementara di SK Sg Serai, di sini, semalam.

Beliau berkata, kerjasama anggota keselamatan dan sukarela diperlukan dalam menyelamatkan mangsa serta memastikan keperluan mereka dipenuhi.

Hujan berterusan 4 jam 45 minit

KUALA LUMPUR: Banjir kilat di sekitar ibu negara kelmarin berpunca daripada jumlah hujan yang tinggi berikutan hujan turun selama empat jam 45 minit mulai jam 6.45 petang, kata Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Beliau berkata, laporan Jabatan Meteorologi Malaysia menunjukkan hujan berterusan sehingga 11.30 malam itu menyebabkan paras air di beberapa kawasan di sepanjang Sungai Klang menecah paras amaran.

"Kesan hujan lebat itu mengakibatkan 15 kawasan dilanda banjir kilat apabila dinaiki air antara 0.3m dan 1.2m, kecuali di Kampung Periuk, Kampung Baru yang mencatat paras air sehingga 2.1m," katanya dalam kenyataan semalam.

Antara kawasan terbabat ialah Lorong Rhu Pertama dan Persiaran Madge di Ampang Hilir; Projek Perumahan Rakyat Hilir Ampang, Lorong Kiri

14 dan 15 serta Jalan Keramat 1 dan 2 di Datuk Keramat; Jalan Limau Kasturi, Bangsar; Jalan Liew Weng Chee Off Jalan Yap Kwan Seng; Jalan Melaka; dan Kampung Pasir Baru, Jalan Klang Lama.

Kawasan lain yang terjejas ialah Jalan Travers, Brickfields, Jalan Bandar, Jalan Loke Yew, Jalan Sultan Salahuddin dan Jalan Munshi Abdullah.

Raja Nong Chik berkata, hanya satu kawasan membabitkan pemindahan sementara iaitu di Kampung Periuk, Kampung Baru yang dinaiki air sedalam 2.1 meter, dengan 784 penduduk membabitkan 174 keluarga dipindahkan ke dewan Kelab Sultan Sulaiman.

Mereka dibenar pulang pada jam 12.30 tengah malam selepas banjir mulai surut.

"Tinjauan dan bancian petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati lebih 16 kenderaan terperangkap dan rosak akibat banjir kilat berkenaan," katanya. -Bernama

Tutup 6 pusat pemindahan

KUALA LUMPUR: Enam daripada tujuh pusat pemindahan banjir yang menempatkan 1,350 penduduk di daerah Hulu Langat yang dibuka malam kelmarin berikutan banjir kilat ditutup selepas paras air mulai surut, petang semalam.

Antara pusat penempatan banjir yang ditutup itu termasuk di Dewan Datuk Ahmad Razali yang menempatkan 40 mangsa; Surau Lembah Jaya (230); Masjid Batu 14 (20); Balai Raya Indah Jaya (15) dan Surau Taman Nanding (350).

Selaras sistem atasi banjir

KUALA LUMPUR: Penyelarasan sistem bagi mengatasi banjir kilat antara Kuala Lumpur dengan Selangor perlu dilaksanakan bagi memastikan masalah itu dapat diatasi terutama di waktu keadaan cuaca yang tidak menentu sekarang.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, banjir kilat malam kelmarin berlaku di kawasan pinggir bandar raya, sehubungan itu, beliau meminta kerajaan Selangor mengadakan perbincangan dengan kerajaan pusat dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bagi mencari jalan penyelesaian.

Bilik gerakan salur bantuan

AMPANG: Umno Bahagian Ampang membuka bilik gerakan bagi memberikan bantuan kepada mangsa banjir di Kampung Lembah Jaya Utara bermula jam 8 pagi, semalam.

Ketuanya, Datuk Ismail Kijo berkata, bilik gerakan itu dibuka bagi memberikan bantuan makanan kepada semua mangsa banjir dan pada masa sama mengenal pasti kerugian dialami mangsa supaya bantuan sesuai dapat diberikan.

"Pada malam kejadian, kami sudah mengedarkan 700 bungkus nasi dan hari ini (semalam) sebanyak 600 bungkus diedarkan. Kami berharap bantuan diberikan sedikit sebanyak meringankan beban mereka.

"Jumlah kerugian akan dinilai sebelum bentuk bantuan yang boleh disumbangkan Umno bahagian supaya nasib mangsa lebih terbela," katanya.